

# UNISSA anjur Mini Seminar Manuskrip Al-Quran Nusantara



REKTOR UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal menerima cenderahati kenangan daripada Pgs. Kepala Lajnah Pentashihan Mushaf Al-Quran, Dr. Muchlis M. Hanafi (kiri) sementara gambar kanan, antara mahasiswi UNISSA yang ikut serta dalam Mini Seminar Manuskrip Al-Quran Nusantara.



menyampaikan tiga kertas kerja masing-masing bertajuk 'Signifikansi Kajian Mushaf Nusantara' yang disampaikan oleh Ketua Lajnah Pentashihan Mushaf Al-Quran, Kementerian Agama Republik Indonesia, Dr. Mukhlis M Hanafi; 'Karakteristik Mushaf Kuno Nusantara' oleh Muhammad Musadad dan 'Kajian Ulumul Quran dalam Mushaf Nusantara' oleh Ahmad Jaeni.

Melalui mini seminar berkenaan, bertujuan untuk mengkaji koleksi manuskrip Al-Quran Nusantara dan memaparkan hasil kajian tentang aspek-aspek Mushaf Nusantara yang berkaitan dengan ragam iluminasi, kaligrafi, qiraat dan aspek lainnya.

Di samping itu, ia juga diharap akan dapat mengembangkan lagi kajian-kajian terhadap manuskrip Al-Quran yang ada di nusantara.

Dalam kunjungan tersebut, delegasi sempat membuat tinjauan penulisan Mushaf Al-Quran UNISSA juga memberikan pandangan dalam perjumpaan bersama Jawatankuasa Meneliti dan Menyemak Penulisan Mushaf UNISSA.

## Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

GADONG, Isnin, 2 Oktober. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Usuluddin (FU) buat pertama kalinya mengadakan Mini Seminar Manuskrip Al-Quran Nusantara

yang berlangsung di Auditorium, UNISSA pada Sabtu, 30 September 2017 lalu.

Turut serta dalam seminar tersebut ialah delegasi dari Lajnah Pentashihan Mushaf Al-Quran

(LPMQ), Kementerian Agama Republik Indonesia, yang diketuai sendiri oleh Pgs. Kepala LPMQ, iaitu Dr. Muchlis M. Hanafi.

Menurut Siaran Akhbar UNISSA, sebanyak lima kertas kerja dibentangkan dalam mini seminar tersebut. Dua daripadanya dibentangkan oleh tenaga akademik FU, bertajuk 'Perhatian

Kerajaan Brunei Darussalam terhadap Penulisan Mushaf' yang dibentangkan oleh Dr. Gumaa Ahmad Himmad Adam dan 'Penulisan Mushaf UNISSA' yang disampaikan oleh Dr. Haji Ahmad Baha bin Mokhtar.

Pembentang-pembentang dari LPMQ, Kementerian Agama Republik Indonesia pula

## Kolej Cosmopolitan terokai teknologi dron



PARA pelajar turut diberi taklimat bagaimana teknologi dron ini dapat mengurangkan risiko dan bahaya terhadap manusia.

## Siaran Akhbar dan Foto : Kolej Cosmopolitan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 Oktober. - Kolej Cosmopolitan dengan kerjasama KMAS Management baru-baru ini menjemput Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif My Drones Services Corporation, Bryce Mitchell dengan Pengurus Teknikal, Brandon Harris untuk menyampaikan

meningkatkan kesedaran kepada para pelajar tentang teknologi terkini dipanggil dron *eye in the sky*.

Menurut Siaran Akhbar Kolej Cosmopolitan, ia bertujuan untuk mendidik para pelajar Teknologi Maklumat untuk meningkatkan prospek pekerjaan yang dijangka akan memberikan kesan yang

luas dalam masa terdekat.

Permit untuk membawa masuk dron tersebut ke negara ini dikeluarkan oleh Jabatan Penerbangan Awam, Bahagian Kawal Selia Brunei dan AITI.

Seramai 40 pelajar hadir mendengar ceramah selama 30 minit, yang turut menampilkan rakaman video dron, berfungsi di menara paling berbahaya serta mahal, digunakan dalam industri minyak dan gas.

Mereka turut menjelaskan bagaimana teknologi itu dapat mengurangkan risiko dan bahaya terhadap manusia.

Selain itu, teknologi berkenaan juga sangat berguna untuk pelbagai industri seperti minyak dan gas; infrastruktur dan pengurusan pemeriksaan; pengurusan bencana; perkhidmatan pertanian; keselamatan dan pemantauan; operasi mencari dan menyelamat; tinjauan dan pemetaan; sistem kargo dan banyak lagi.

Sejurus selepas ceramah tersebut, para pelajar dibawa ke kawasan terbuka Padang Kebajikan untuk menyaksikan demonstrasi sebenar teknologi udara tersebut dan ada yang berpeluang untuk mengawal dron dengan pengawasan juruterbang.

## Gerai Jualan Jubli Emas, 3 - 31 Oktober

Siaran Akhbar :  
Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 Oktober. - Dalam memeriahkan lagi perayaan sempena Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta dimaklumkan bahawa Gerai Jualan akan diadakan di kawasan letak kereta Jalan Bendahara berhadapan Bangunan Alat-Alat Kebersaran Diraja yang akan diadakan selama 29 hari bermula 3 hingga 31 Oktober 2017.

Menerusi Siaran Akhbar Jabatan Bandaran BSB, waktu gerai jualan bermula jam 6.00 petang hingga 12.00 tengah malam. Sementara Gerai Jualan Exhibition Booth bermula jam 10.00 pagi hingga 12.00 tengah malam.

Beberapa khemah disediakan, antaranya khemah berhawa dingin dan terbuka bagi menyediakan petak-petak jualan. Terdapat beberapa kategori gerai jualan disediakan di gerai jualan berkenaan, iaitu Gerai Jualan (Exhibition Booth); Gerai Jualan Runcit; Gerai Jualan Makanan 'Take Away'; Gerai Buah-buahan; Gerai Makan Minum dan Gerai Salai-salaian.

Di samping itu, juga disediakan sebuah surau (lelaki dan perempuan) untuk kegunaan pengunjung, peniaga dan orang ramai untuk beribadah; bilik urusetia gerai jualan dan agensi-agensi keselamatan yang berkenaan.

Dalam kesempatan ini, orang ramai adalah dialu-alukan untuk berkunjung ke Gerai Jualan dan diingatkan agar dapat sama-sama bertanggungjawab dalam menjaga kebersihan di kawasan tersebut.

## Kibar bendera sempena Sambutan Jubli Emas

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 3 Oktober. - Bersempena dengan Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali

Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta dan bagi memeriahkan lagi sambutan berkenaan, sukacita rakyat dan penduduk negara ini supaya akan sama-sama mengibarkan bendera

di rumah-rumah kediaman masing-masing dan bangunan-bangunan pejabat serta perniagaan mulai Ahad, 1 Oktober 2017 hingga Selasa, 31 Oktober 2017.

Dalam hubungan ini, Pengiran-Pengiran dan

Siaran Akhbar :  
Jabatan Perdana Menteri

orang-orang yang dikurniakan gelaran akan mengibarkan bendera masing-masing dan bagi orang ramai pula akan mengibarkan bendera Negara Brunei Darussalam.